



**SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR** bersama peserta Konvoi KMJ 2015 tiba dengan memandu sendiri bas *Prevost Marathon* di Padang Perumahan Kilang Sawit PPNJ, Batu 17 di Kahang, Kluang, Johor, semalam.

# Sultan Johor pandu bas jumpa rakyat di tiga daerah

Oleh **FIKRI ROSLY**  
 pengarang@utusan.com.my

## ■ KLUANG 12 OGOS

**S**ELEPAS dua hari menunggang motosikal berkuasa tinggi, hari ini Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar menunjukkan kemahiran baginda mengendalikan bas untuk bertemu rakyat jelata di daerah Kluang, Mersing dan Kota Tinggi dalam siri jelajah Kembara Mahkota Johor (KMJ) 2015.

Walaupun memasuki hari ketiga KMJ 2015, namun Sultan Ibrahim Sultan Iskandar tetap ceria dan bersemangat memandu bas mewah, Prevost Marathon Coach sejauh 286 kilometer bermula dari Kem Batalion Ke-5 Regimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Batu 3, di sini menuju ke destinasi pertama Perumahan Kilang Sawit PPNJ, Batu 17, Kahang,



Pada majlis tersebut, Sultan Ibrahim berkenan menyampaikan sumbangan hamper bernilai RM100 setiap satu daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) kepada 20 individu dan pelbagai bantuan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) bernilai RM288,300 kepada 15 golongan asnaf.

Lima penerima bantuan MAINJ

mendapat sumbangan perumahan berjumlah RM40,000 setiap seorang bagi membina kediaman yang dilengkapi dengan tiga bilik.

Sultan Ibrahim juga berkenan melawat pameran Jabatan Pertanian bagi melihat tanaman cili, lada, buah kelapa sawit, nanas, produk burung puyuh dan kraf tangan berasaskan rotan serta mengunjungi Yayasan Kanser Tunku Laksamana Johor.

Baginda kemudiannya mengadili pertandingan memasak yang disertai kaum India dan seterusnya menyaksikan pertunjukan acara memanah tradisional.

Majlis tersebut turut diserikan dengan pertandingan sukan rakyat yang mengetengahkan acara seperti terompah gergasi, boling buah kelapa, lari dalam guni dan tarik upih.

Sultan Ibrahim kemudian meneruskan jelajah ke Felda Nitar 1,

Mersing dan sempat singgah kira-kira setengah jam untuk beramah mesra dengan penduduk di sana.

Sementara itu, semasa singgah di Jeti Penyabong, di sini baginda berkenan menyampaikan sumbangan daripada MAINJ dan seterusnya melawat ke Jati Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) bagi menyaksikan acara memancing dan bento ketam.

Selepas itu, baginda bersama kerabat diraja dan rombongan KMJ 2015 bersantap sambil menyaksikan sukan rakyat dan persembahan kebudayaan.

Konvoi kemudian meneruskan perjalanan ke Felda Tenggaroh 3 dan Tanjung Sedili untuk bertemu masyarakat sebelum bermalam di Desaru.

Hari terakhir konvoi esok akan menjelajah ke daerah Kota Tinggi dan Kulaijaya sebelum berakhir di Mutiara Rini, Johor Bahru.